

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**[ Pengerang ]**  
**TARIKH : 17.6.2014**  
**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik untuk pengambilan matrikulasi pada tahun 2014 berdasarkan kaum dan program pendidikan yang ditawarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan tawaran kepada pelajar bagi Program Matrikulasi ambilan sesi 2014/2015 pada 24 April 2014. Sebanyak 28,000 tempat telah disediakan dengan agihan 90% diperuntukan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera. Pelajar-pelajar ini akan mengikuti dua (2) jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan.